

08/08/2003

Kerajaan harap Bulan Kemerdekaan 2003 lebih meriah

KUALA LUMPUR: Kerajaan berharap sambutan perayaan Bulan Kemerdekaan 2003 akan lebih bermakna dan rakyat melupakan perbezaan pendapat serta bersatu hati mengibarkan Jalur Gemilang.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata, pelbagai program menarik diatur sepanjang Bulan Kemerdekaan bagi meningkatkan kesedaran rakyat menghayati erti kemerdekaan.

Beliau berkata, bulan kemerdekaan tahun ini akan disambut penuh meriah dengan lima acara utama diadakan selama sebulan bermula 17 Ogos.

Bagaimanapun, sambutan besar-besaran hanya akan mencapai kejayaan jika mendapat kerjasama semua pihak.

"Sempena bulan kemerdekaan ini, kita berharap rakyat mengenenepikan semua perbezaan pendapat mengenai agama, kaum, bahasa dan politik.

"Sebaliknya, kita perlu bersatu hati dan menyumbang sepenuh tenaga merayakan kemerdekaan yang menjadi hak dan kemegahan seluruh rakyat," katanya semalam.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Perayaan Bulan Kemerdekaan ke-46 yang dihadiri wakil kerajaan negeri seluruh negara, termasuk Kelantan dan Terengganu.

Rakyat diminta mengibarkan Jalur Gemilang lebih awal bagi memupuk perpaduan dan semangat cintakan negara.

"Sepanjang program ini, kita minta rakyat menghias rumah, kenderaan, kedai dan bangunan dengan lampu serta bendera kebanggaan negara bagi memeriahkan sambutan tahun ini," katanya.

Dalam pada itu, perarakan Hari Kebangsaan akan diadakan di Putrajaya bagi memberikan penghargaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bersara Oktober ini.

Beliau berkata, sambutan kali ini diadakan secara berperingkat dengan majlis pelancaran bersama Kempen Mengibarkan Jalur Gemilang pada 17 Ogos ini akan diadakan di Bandar Hilir Melaka.